



Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.26(40)

Tarikh : 30 April 2026

Semua Timbalan PPD
Sektor Pembangunan Murid

Melalui,

Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Terengganu

Tuan,

PEMANTAUAN DAN BIMBINGAN PELAKSANAAN KELAB PENCEGAHAN JENAYAH (KPJ) DI SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI TERENGGANU

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seiring dengan dapatan semasa berkaitan peningkatan isu disiplin murid termasuk buli siber, buli fizikal, seksual serta pengaruh gejala sosial dalam kalangan pelajar, peranan **Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ)** di sekolah perlu diperkasa secara lebih sistematik dan berfokus.

3. Selain itu, berdasarkan ketetapan dalam Mesyuarat Permuafakatan antara Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), pengukuhan kolaborasi melalui **Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS)** adalah amat penting dalam memastikan keberkesanan program pencegahan jenayah di peringkat sekolah.

4. Sehubungan itu, semua Pegawai Pendidikan Daerah adalah diarahkan untuk melaksanakan tindakan berikut:

4.1 Pemantauan Pelaksanaan KPJ

- Melaksanakan **pemantauan berkala** ke atas semua sekolah di daerah masing-masing sekurang-kurangnya **dua (2) kali setahun**.
- Memastikan KPJ berfungsi secara aktif dengan pelaksanaan aktiviti yang terancang dan berimpak.

4.2 Bimbingan dan Sokongan Kepada Sekolah

- Memberi **bimbingan berfokus** kepada guru penasihat KPJ berkaitan perancangan dan pelaksanaan aktiviti.
- Membantu sekolah merangka program pencegahan jenayah seperti ceramah, kempen kesedaran dan aktiviti kolaboratif bersama PPS.

4.3 Pengukuhan Kerjasama Bersama PPS

- Menyelaras penglibatan **Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS)** dalam aktiviti KPJ di sekolah.
- Memastikan sekurang-kurangnya **satu (1) program bersama PPS dilaksanakan setiap penggal**.

Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.26(40)

4.4 Pelaporan dan Pemantauan Data

- Menggunakan **instrumen pelaporan yang ditetapkan (Google Form / e-PPS)** bagi tujuan pengumpulan data aktiviti KPJ.
- Mengemukakan laporan pemantauan ke Jabatan Pendidikan Negeri mengikut tempoh yang ditetapkan.

5. Pihak tuan juga dimohon memastikan semua sekolah di bawah seliaan masing-masing memberi komitmen sepenuhnya dalam menjayakan fungsi KPJ sebagai platform utama pendidikan pencegahan jenayah dalam kalangan murid. Turut disertakan borang pemantauan pada **(Lampiran A)** untuk rujukan pihak tuan.

6. Kerjasama dan tindakan proaktif pihak tuan amat penting dalam memastikan persekitaran sekolah yang selamat, kondusif serta bebas daripada gejala sosial. Sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, pihak tuan boleh menghubungi **YM. Tengku Mohd Majid Bin Tunku Mahmud, Penolong Pengarah HEM Sektor Pembangunan Murid di talian 0192637950.**

Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MEMACU PRAKARSA PENDIDIKAN”

”MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZULKAFLI BIN JUSOH)

Timbalan Pengarah Pendidikan

Sektor Pembangunan Murid

b.p Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k

Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu
Ketua Polis Negeri Terengganu
Semua Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Terengganu

- Makluman tuan
- Makluman tuan
- Makluman tuan

Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.26(40)

BORANG PEMANTAUAN KELAB PENCEGAHAN JENAYAH SEKOLAH (KPJS)

JPN / PPD

Maklumat Umum

Nama Sekolah: _____

Kod Sekolah: _____

Daerah / PPD: _____

Tarikh Pemantauan: _____

Pegawai Pemantau (PPD/JPN): _____

Status KPJS: Aktif / Tidak Aktif / Penambahbaikan: _____

BAHAGIAN A: STRUKTUR JAWATANKUASA

A1. Jawatankuasa Induk KPJS (HEM)

- Senarai lengkap ahli
- Surat lantikan rasmi
- Carta organisasi Induk
- Minit mesyuarat (sekurang-kurangnya 2 kali setahun)

A2. Jawatankuasa Kerja / Kelab KPJS (Kokurikulum)

- Senarai AJK murid
- Surat lantikan AJK murid
- Carta organisasi Kelab
- Senarai keahlian murid

Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.26(40)

BAHAGIAN B: PENGURUSAN JAWATANKUASA INDUK (HEM)

Perancangan tahunan pencegahan jenayah Catatan: _____

Kolaborasi agensi luar (PDRM / MCPF / AADK) Catatan: _____

Bukti pemantauan program (laporan, gambar, kehadiran)

Catatan: _____

Laporan Tahunan dihantar sebelum / pada Oktober Catatan: _____

BAHAGIAN C: PENGURUSAN KELAB (KOKURIKULUM)

Rekod kehadiran selari dengan PAJSK

Aktiviti minimum 12–18 setahun dipatuhi

Bukti penglibatan murid (gambar / laporan)

Pengesahan markah PAJSK oleh Guru Penasihat

BAHAGIAN D: BUKTI PELAKSANAAN AKTIVITI

Kertas kerja aktiviti

Laporan pasca program

Gambar aktiviti berlabel (tarikh + aktiviti)

Kehadiran Pegawai Perhubungan Sekolah (jika ada)

BAHAGIAN E: KEMUDAHAN

Bilik Operasi / Sudut KPJS

Papan kenyataan aktif

Fail Induk (HEM)

Fail Kelab (Kokurikulum)

Fail Aktiviti

Fail Kewangan (jika ada)

Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.26(40)

BAHAGIAN F: PENARAFAN PEMANTAUAN

Cemerlang Baik Memuaskan Perlu Penambahbaikan

Kekuatan: _____

Isu / Jurang: _____

Cadangan Penambahbaikan: _____

Tempoh Tindakan Susulan: _____

Tandatangan dan Cop Pegawai

Borang diisi dalam 4 salinan: Sekolah | PPD | JPN | Pegawai Perhubungan Sekolah (PDRM)